



SG Digital



Kit Permulaan di
meWATCH



TAHUKAH ANDA?

Anda boleh menikmati hiburan di mana sahaja anda berada **SECARA PERCUMA!** Tonton kesemua siri drama, hiburan dan berita Mediacorp yang anda gemari dalam pelbagai bahasa dan lain-lain lagi. Selain itu, anda juga dapat menyaksikan drama terbaharu sebelum siaran di televisyen.

LANGKAH 1 Muat turun aplikasi meWATCH ke telefon bijak anda


Sila ke **Apple App Store** , **Google Play Store**  atau **HUAWEI AppGallery**  untuk muat turun **aplikasi meWATCH**. Kemudian, lancarkan aplikasi tersebut.

1. Untuk pengguna iOS, ketik 'Get' (dapatkan) untuk muat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android atau Huawei, ketik 'Install' (pasang) untuk muat turun aplikasi.


LANGKAH 2 Cipta akaun baharu di meCONNECT dan log masuk

Anda boleh menggunakan akaun **meCONNECT** yang sama untuk kesemua perkhidmatan digital Mediacorp.


Selain itu, anda juga boleh log masuk melalui akaun Apple, Facebook atau Google.



3. Cipta akaun baharu di meCONNECT melalui alamat e-mel anda.



4. Isikan nama dan tarikh lahir anda.




5. Pilih genre kegemaran anda untuk mendapatkan saranan rancangan televisyen yang mungkin anda sukai!


LANGKAH 3 Mula tonton




6. Anda dapat meneroka koleksi besar rancangan-rancangan percuma.



7. Saksikan rancangan televisyen kegemaran anda atau lihat panduan TV dengan menekan 'Live TV' di menu.



8. 'Continue Watching' membenarkan anda untuk menyambung tontonan dari bahagian yang telah anda tinggalkan.



9. Tandakan rancangan televisyen yang ingin anda tonton kemudian dengan menekan butang '+' di 'My List'.

Petua keselamatan siber (Penghargaan: Isi kandungan disediakan oleh Mediacorp)

- **Jangan dedahkan** kata laluan anda kepada orang lain kerana ini boleh memberi mereka akses ke akaun dan maklumat peribadi anda tanpa kebenaran.
- **Gunakan kata laluan yang kuat** untuk mengelakkan penggunaan tanpa kebenaran.
- **Tukar kata laluan anda sekali sekala** untuk mengurangkan risiko gangguan pada akaun dalam talian anda.